



# **HUBUNGAN PENGLIBATAN DALAM SUKAN DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK DI KALANGAN ATLET SEKOLAH MENENGAH**

**JAIS BIN SIARUS**

**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK  
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT  
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
SAINS SUKAN (EKSEKUTIF)**

**FAKULTI SAINS SUKAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2007**





## PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan Rujukan yang tiap-tiap satu telah saya nyatakan sumbernya.





Segala pujian dan syukur saya panjatkan ke hadirat Tuhan Yang Maha Esa, yang telah melimpahkan berkat dan rahmatnya sehingga saya memiliki kekuatan untuk menyiapkan disertasi ini untuk memenuhi sebahagian daripada syarat memperolehi Ijazah Sarjana Pendidikan Sains Sukan (Eksekutif). UPSI.

Setinggi penghargaan dan terima kasih khusus ditujukan kepada penyelia saya Prof. Madya Dr.Shaharudin bin Abdul Aziz yang sentiasa memberi tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang penulisan disertasi ini dijalankan. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Dekan, Timbalan Dekan, Penyelaras Program dan semua pensyarah Fakulti Sains Sukan, UPSI serta Dekan Pasca siswazah di atas semua tunjuk ajar, didikan dan perkongsian ilmu sepanjang kursus ini.



Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas bantuan dari pegawai-pegawai di Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Sabah, Pejabat Pelajaran Gabungan Keningau , Pejabat Pelajaran Daerah Tambunan dan semua individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sehingga sempurnanya kajian ini. Tidak dilupakan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan perintis Program Eksekutif Sarjana Pendidikan Sains Sukan, Sabah 2006/2007 yang tidak jemu membantu. Akhir sekali, kepada isteri tersayang Jitah dan anak-anak tercinta Calvin Junier, Christie Joyner dan Christa Joanne yang sentiasa mengharapkan kejayaan, semoga dorongan, sokongan dan doa kalian akan menambahkan lagi semangat papa untuk terus memburu ilmu.





## ABSTRAK

### HUBUNGAN PENGLIBATAN DALAM SUKAN DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK DI KALANGAN ATLET SEKOLAH MENENGAH

Kajian ini dibuat untuk melihat hubungan antara penglibatan dalam sukan dengan pencapaian akademik di kalangan atlet sekolah menengah di Daerah Tambunan. Responden kajian ini adalah seramai 180 orang pelajar Tingkatan 4 yang terlibat dalam sukan dari Tingkatan Tiga lagi dan sekurang-kurangnya mewakili sekolah dalam bidang sukan di Daerah Tambunan. Tidak ada teknik pengambilan sampel digunakan kerana populasi kajian adalah juga sampel. Sampel kajian ini diambil daripada empat buah sekolah menengah yang ada di Daerah Tambunan. Instrumen kajian yang digunakan untuk mengukur pembolehubah kajian adalah menggunakan satu set soal selidik. Teknik analisis statistik deskriptif, korelasi pekali pearson, Ujian-t dan ANOVA sehala digunakan bagi menganalisis data melalui perisian SPSS 11.5. Dapatan kajian menunjukkan pada keseluruhannya tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan dalam sukan dengan pencapaian akademik. Begitu juga dapatan tentang tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penglibatan dan jantina dengan pencapaian akademik. Sementara itu, perbezaan dari segi pelajar sekolah kawasan luar bandar dengan pelajar kawasan bandar menunjukkan terdapat perbezaan dari aspek pencapaian akademik.





## ABSTRACT

### **THE RELATIONSHIP BETWEEN SPORTS PARTICIPATIONS AND ACADEMIC ACHIEVEMENT AMONGST SECONDARY SCHOOL ATHLETES**

*This research is to observe the relationship between the sports participations and academic achievements amongst the secondary school athletes in Tambunan District. The respondent of this research comprised of 180 Form 4 students whom were involved in sports since Form 3 and were at least respresented Tambunan District. There is no direct or specific technique used for sampling as the research population was used as the semple. Four secondary school was taken as sample, The usage of questionnaires as the methodology were used to measure the variables. descriptive statistical analysis technique, Pearson correlation, T-test and ANOVA were used to analyzed data via Statistical Package For Social Science (SPSS) 11.5. The overall findings showed that there was no significant relationship between sports participations and academic achievement. Similarly, there was no significant difference between participation level, sex and academic achievement. Meanwhile, the findings also showed that difference do exist between rural students and urban students.*



## KANDUNGAN

### Muka surat

|                                                                  |     |
|------------------------------------------------------------------|-----|
| <b>PENGAKUAN</b>                                                 | ii  |
| <b>PENGHARGAAN</b>                                               | iii |
| <b>ABSTRAK</b>                                                   | iv  |
| <b>ABSTRACT</b>                                                  | v   |
| <b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>                                         |     |
| 1.1 Pengenalan                                                   | 1   |
| 1.2 Pernyataan Masalah                                           | 3   |
| 1.3 Kepentingan Kajian                                           | 4   |
| 1.3.1 Dari Segi Ilmiah                                           | 4   |
| 1.3.2 Dari Segi Gunaan                                           | 4   |
| 1.4 Objektif Kajian                                              | 5   |
| 1.5 Hipotesis Kajian                                             | 7   |
| 1.6 Batasan Kajian                                               | 8   |
| 1.6.1 Instrumen Kajian                                           | 8   |
| 1.6.2 Tempat Kajian                                              | 9   |
| 1.6.3 Populasi dan Sampel Kajian                                 | 9   |
| 1.7 Definisi Operasional                                         | 10  |
| 1.7.1 Penglibatan Sukan                                          | 10  |
| 1.7.2 Pencapaian Akademik                                        | 10  |
| 1.7.3 Jenis Sukan                                                | 11  |
| 1.7.4 Pelajar                                                    | 11  |
| 1.9 Kesimpulan                                                   | 11  |
| <b>BAB 2 TINJAUAN LITERATUR</b>                                  |     |
| 2.1 Pengenalan                                                   | 12  |
| 2.2 Kajian Penglibatan dalam Sukan dengan<br>Pencapaian Akademik | 13  |
| 2.3 Kerangka Teori dan Model yang Berkaitan                      | 14  |
| 2.3.1 Teori Motivasi Pencapaian dan<br>Motivasi Penyesuaian      | 14  |
| 2.3.2 Model Motivasi Pencapaian                                  | 16  |
| 2.4 Kajian-kajian Berkaitan                                      | 18  |
| 2.4.1 Kajian Luar Negara                                         | 19  |
| 2.4.2 Kajian Dalam Negeri                                        | 22  |

## BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

|      |                            |    |
|------|----------------------------|----|
| 3.1  | Pengenalan                 | 26 |
| 3.2  | Reka Bentuk Kajian         | 26 |
| 3.3  | Kerangka Konseptual Kajian | 27 |
| 3.4  | Instrumen Kajian           | 29 |
| 3.5  | Kajian Rintis              | 33 |
| 3.6  | Populasi dan Sampel Kajian | 35 |
| 3.7  | Prosedur Kajian            | 36 |
| 3.8  | Pengumpulan Data           | 37 |
| 3.9  | Analisis Data              | 39 |
| 3.10 | Kesimpulan                 | 41 |

## BAB 4 DAPATAN KAJIAN

|     |                                                              |    |
|-----|--------------------------------------------------------------|----|
| 4.1 | Pengenalan                                                   | 42 |
| 4.2 | Analisis Kebolehpercayaan Instrumen<br>Melalui Kajian Rintis | 43 |
| 4.3 | Analisis Deskriptif                                          | 44 |
| 4.4 | Dapatan Inferensial                                          | 56 |
| 4.5 | Kesimpulan                                                   | 64 |

## BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

|     |                                 |    |
|-----|---------------------------------|----|
| 5.1 | Pengenalan                      | 66 |
| 5.2 | Ringkasan Kajian                | 67 |
| 5.3 | Dapatan dan Perbincangan Kajian | 68 |
| 5.4 | Cadangan                        | 74 |
| 5.5 | Cadangan Kajian Lanjutan        | 77 |
| 5.6 | Penutup                         | 79 |

## BIBLIOGRAFI 80

|                 |   |                                                                           |
|-----------------|---|---------------------------------------------------------------------------|
| <b>LAMPIRAN</b> | A | Borang Soal Selidik                                                       |
|                 | B | Surat Semakan dan Pengesahan Isi Kandungan<br>Soal Selidik                |
|                 | C | Surat Penghasilan Gaya Bahasa dan Tatabahasa                              |
|                 | D | Surat Kebenaran Menjalankan Kajian dari KPM                               |
|                 | E | Surat Kebenaran Menjalankan Kajian<br>Dari Jabatan Pelajaran Negeri Sabah |
|                 | F | Surat-surat Permohonan untuk Menjalankan Kajian                           |

**SENARAI JADUAL**

| <b>Jadual</b>                                                                                                                       | <b>muka surat</b> |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| 3.1 Gred Pencapaian Peperiksaan PMR Tahun 2006                                                                                      | 30                |
| 3.2 Tahap Pencapaian Akademik PMR Tahun 2006                                                                                        | 30                |
| 3.3 Agihan Item Soalan                                                                                                              | 32                |
| 3.4 Takrifan Simbol/Skala Skor Darjah Persetujuan Responden                                                                         | 32                |
| 3.5 Skor Realiabiliti (Alpha) Berdasarkan Aspek Kajian                                                                              | 33                |
| 3.6 Sampel Kajian                                                                                                                   | 34                |
| 3.7 Teknik Analisis Bagi Hipotesis yang Diuji                                                                                       | 39                |
| 4.1 Pekali Kebolehpercayaan Instrumen Melalui Kajian Rintis                                                                         | 42                |
| 4.2 Taburan Bilangan dan Peratusan Berdasarkan Jantina                                                                              | 43                |
| 4.3 Taburan Bilangan dan Peratusan Berdasarkan Lokasi Sekolah                                                                       | 44                |
| 4.4 Taburan Bilangan dan Peratusan Berdasarkan Jenis Sukan                                                                          | 45                |
| 4.5 Taburan Bilangan dan Peratusan Berdasarkan Peringkat Penglibatan Dalam Sukan yang diceburi                                      | 46                |
| 4.6 Taburan Bilangan dan Peratusan Berdasarkan Kelulusan Akademik Tertinggi Ibu Bapa atau penjaga Responden Mengikut Lokasi Sekolah | 47                |
| 4.7 Taburan Bilangan dan Peratusan Berdasarkan Pendapatan Sebulan Ibu Bapa atau Pengaja Responden mengikut Lokasi Sekolah           | 49                |
| 4.8 Bilangan dan Peratusan Berdasarkan Subjek Bahasa Melayu Peringkat PMR Tahun 2006                                                | 51                |
| 4.9 Bilangan dan Peratusan Berdasarkan Subjek Bahasa Inggeris Peringkat PMR Tahun 2006                                              | 52                |

|      |                                                                                                                                                                     |    |
|------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 4.10 | Bilangan dan Peratusan Berdasarkan subjek Matematik<br>Peringkat PMR Tahun 2006                                                                                     | 53 |
| 4.11 | Bilangan dan Peratusan Berdasarkan subjek Sejarah<br>Peringkat PMR Tahun 2006                                                                                       | 54 |
| 4.12 | Taburan Min dan Sisihan Piawai bagi Pencapaian Akademik<br>Peringkat PMR Tahun 2006                                                                                 | 55 |
| 4.13 | Hubungan antara Penglibatan dalam Sukan dengan<br>Pencapaian Akademik                                                                                               | 56 |
| 4.14 | Perbezaan antara atlet lelaki dengan atlet Perempuan<br>Dengan pencapaian akademik                                                                                  | 57 |
| 4.15 | Perbezaan antara tahap penglibatan pelajar dalam sukan<br>Di peringkat sekolah, daerah, bahagian, negeri, kebangsaan dan<br>Antarabangsa dengan pencapaian akademik | 58 |
| 4.16 | Hubungan antara Sokongan Pihak Sekolah dengan<br>Pencapaian Akademik                                                                                                | 59 |
| 4.17 | Hubungan antara Sokongan Ibu bapa dengan<br>Pencapaian Akademik                                                                                                     | 60 |
| 4.18 | Perbezaan antara Pelajar Bandar dengan Kawasan Luar<br>Bandar dengan Pencapaian Akademik                                                                            | 62 |
| 4.19 | Keputusan bagi Hipotesis yang Diuji                                                                                                                                 | 64 |

## SENARAI RAJAH

| Rajah |                            | muka surat |
|-------|----------------------------|------------|
| 2.1   | Model Motivasi Pencapaian  | 17         |
| 3.1   | Kerangka Konseptual Kajian | 28         |
| 3.2   | Fasa-Fasa Dalam Kajian     | 37         |



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Isu penglibatan dalam sukan di kalangan atlet sekolah timbul semula ekoran rentetan kegagalan kontinjen negara dalam beberapa temasya sukan antarabangsa. Rizad (2005), melabelkan sukan sebagai salah satu faktor gangguan dalam mengejar kecemerlangan khususnya dalam akademik. Malah suatu ketika dahulu Institusi Pengajian Tinggi pernah dianggap 'kubur' bagi kegiatan sukan. Apa yang pasti, sistem pendidikan negara lebih mengutamakan kecemerlangan akademik. Menurut Asiah (1985), menyatakan bahawa corak aktiviti yang disajikan di sekolah-sekolah lebih berorientasikan sijil. Kandungan dan pendekatan pendidikan formal dewasa ini lebih menekankan unsur-unsur pencapaian akademik. Justeru itu, tidak hairanlah bila sebahagian besar masyarakat negara kita lebih mementingkan prestasi akademik. Fenomena ini dapat dilihat dengan jelas apabila persekolahan semester kedua bermula, pelbagai aktiviti terpaksa dihentikan untuk memberi penumpuan yang lebih kepada akademik khususnya untuk persediaan menghadapi peperiksaan.



Kegiatan sukan merupakan satu unit dalam kokurikulum sementara kokurikulum adalah sebahagian dari kurikulum sekolah. Laporan Jawatankuasa Kabinet (1988), membuat ketetapan bahawa kurikulum adalah suatu rancangan pendidikan yang bertujuan untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani. Justeru itu, secara langsung sukan merupakan medan terbaik untuk merealisasikan hasrat tersebut.

Walaupun terbukti yang nilai-nilai positif dapat diterapkan melalui sukan, namun kebimbangan terhadap gangguan prestasi akademik masih tetap wujud (Kantha Kumar, 1985). Terdapat segelintir ahli masyarakat yang terlalu prejudis dan mengatakan bahawa penglibatan pelajar secara aktif dalam kegiatan sukan mempunyai kesan yang negatif ke atas prestasi akademik mereka. Ini kerana, menurut mereka, masa dan tenaga yang digunakan untuk aktiviti sukan boleh ditumpukan dengan lebih berfaedah khususnya dalam bidang akademik. Ada yang merumuskan bahawa pelajar yang aktif bersukan tidak mempunyai banyak masa untuk mengulangkaji pelajaran. Alasan yang relevan ialah, jadual latihan sukan yang dilalui meletihkan. Situasi ini akan mendorong pelajar lebih banyak berehat atau tidur daripada membuat ulangkaji pelajaran.

Prestasi akademik pelajar biasanya dikaitkan dengan bidang sukan yang diceburinya. Kegagalan seseorang pelajar biasanya dikaitkan dengan penyertaannya dalam kegiatan kokurikulum khususnya sukan.



Namun begitu, pada hakikatnya ibu bapa masih mementingkan prestasi akademik anak-anak mereka kerana pencapaian yang baik dalam akademik menjadi aset dan biasanya menjadi kayu ukur yang dominan.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Ramai kalangan ibu bapa di Malaysia beranggapan bahawa pelajar yang bergiat aktif dalam aktiviti kokurikulum boleh mengganggu prestasi akademik mereka (Salleh, 2004). Fenomena ini menyebabkan kalangan ibu bapa agak keberatan untuk membenarkan anak-anak mereka melibatkan diri secara aktif dalam kegiatan kokurikulum khususnya dalam aktiviti sukan. Situasi ini diperkuatkan lagi melalui kenyataan oleh Salleh (2004) yang merumuskan bahawa sijil akademik yang baik lebih menjanjikan masa depan yang baik. Kenyataan ini telah mendorong ibu bapa untuk mengawal anak-anak supaya tidak terdedah kepada gangguan pembelajaran akademik, maka wujudlah situasi masa belajar bertambah dan halangan ketat dikenakan kepada anak-anak dari melibatkan diri dalam aktiviti sukan.

Pentadbir sekolah pula semakin ghairah menambah program akademik seperti mengadakan kelas tambahan, kelas bimbingan dan beberapa siri gerak gempur sebagai persediaan untuk menghadapi peperiksaan supaya pelajar-pelajarnya memperoleh gred yang tinggi dalam peperiksaan sebenar kelak. Kelemahan ketara dilihat apabila pihak pentadbiran sekolah secara jelas tidak menekankan



tentang kepentingan aktiviti kokurikulum. Implikasinya, kebanyakan pelajar menganggap aktiviti kokurikulum khususnya sukan tidak penting. Natiujahnya, mata pelajaran Pendidikan Jasmani menjadi tidak diminati, membosankan dan menjadi satu bebanan. Mereka tidak dapat melihat keberkesanan dan '*carry over value*' dalam aktiviti sukan.

Oleh itu, berpegang kepada masalah-masalah yang telah dinyatakan di atas, maka wajarlah dibuat satu kajian untuk mengenal pasti hubungan antara penglibatan dalam sukan dengan pencapaian akademik di kalangan atlet sekolah menengah.

### 1.3 Kepentingan Kajian

#### 1.3.1 Dari Segi Ilmiah

Kajian ini akan memperkukuhkan lagi kajian-kajian lain yang berkaitan dengan pengaruh sukan terhadap pencapaian akademik pelajar. Adalah diharapkan hasil kajian ini nanti akan dapat memberi satu gambaran yang lebih jelas untuk membentuk satu pandangan yang lebih positif terhadap sukan.

#### 1.3.2 Dari Segi Gunaan

Dapatan kajian ini nanti akan dapat digunakan oleh atlet, guru, jurulatih dan ibu bapa sebagai panduan dalam membuat perancangan masa-masa latihan untuk sukan dan pembelajaran akademik agar para atlet berkeupayaan memperolehi

pencapaian akademik yang baik dan pada masa yang sama kecemerlangan dalam bidang sukan dapat dikecapi.

Dapatan kajian ini juga diharap dapat digunakan untuk memberi keyakinan kepada para ibu bapa, guru-guru, masyarakat, pelajar dan pentadbir pendidikan bahawa kejayaan dalam kedua-dua bidang (akademik dan sukan) memang boleh dicapai. Dapatan kajian ini nanti akan dapat membantu sekolah khususnya dan Jabatan Pelajaran Negeri Sabah (JPNS) amnya dalam usaha meningkatkan prestasi sukan dan akademik di kalangan atlet. Berdasarkan dapatan kajian ini kelak, diharap pihak Jabatan Pelajaran Negeri Sabah melalui Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan dan Unit Sukan akan dapat merangka program sukan yang lebih komprehensif, fleksibel dan mengambil kira tentang gangguan pembelajaran di tahap yang paling minima.

## 1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan senario penglibatan pelajar dalam sukan dan implikasinya terhadap prestasi akademik, maka objektif kajian ini adalah:

- 1.4.1 Untuk mengenal pasti perhubungan di antara penglibatan pelajar dalam sukan dengan pencapaian akademik di kalangan atlet sekolah menengah di Daerah Tambunan.



- 1.4.2 Untuk mengenal pasti perbezaan di antara atlet lelaki dan atlet perempuan dengan pencapaian akademik di kalangan atlet sekolah menengah di Daerah Tambunan.
- 1.4.3 Untuk mengenal pasti perbezaan di antara tahap penglibatan pelajar dalam sukan di peringkat sekolah, daerah, bahagian, negeri, kebangsaan dan antarabangsa dengan pencapaian akademik di kalangan atlet sekolah menengah di Daerah Tambunan.
- 1.4.4 Untuk mengenal pasti perhubungan antara pihak sekolah dengan pencapaian akademik di kalangan atlet yang terlibat dalam sukan di Daerah Tambunan.
- 1.4.5 Untuk mengenal pasti perhubungan sokongan ibu bapa pelajar yang terlibat dalam sukan dengan pencapaian akademik di kalangan atlet sekolah menengah di Daerah Tambunan.
- 1.4.6 Untuk mengenal pasti perbezaan di antara pelajar luar bandar dan pelajar kawasan bandar yang terlibat dalam sukan dengan pencapaian akademik di kalangan atlet sekolah menengah di Daerah Tambunan.





## 1.5 Hipotesis Kajian

Hipotesis bagi kajian ini adalah seperti berikut:

1.5.1 Hipotesis nol ( $H_{01}$ ) : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di-  
antara penglibatan pelajar dalam sukan dengan pencapaian akademik di-  
kalangan atlet sekolah menengah di Daerah Tambunan.

1.5.2 Hipotesis nol ( $H_{02}$ ) : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di-  
antara atlet lelaki dan atlet perempuan dengan pencapaian akademik di  
kalangan atlet sekolah menengah di Daerah Tambunan.

1.5.3 Hipotesis nol ( $H_{03}$ ) : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di-  
antara tahap penglibatan pelajar dalam sukan di peringkat sekolah,  
daerah, bahagian, negeri, kebangsaan dan antarabangsa dengan  
pencapaian akademik di kalangan atlet sekolah menengah  
di Daerah Tambunan.

1.5.4 Hipotesis alternatif ( $H_{a1}$ ) : Terdapat perhubungan yang signifikan pihak  
sekolah dengan pencapaian akademik di kalangan atlet sekolah  
menengah yang terlibat dalam sukan di Daerah Tambunan.



**1.5.5 Hipotesis alternatif ( $H_{a2}$ ) :** Terdapat perhubungan yang signifikan sokongan ibu bapa pelajar yang terlibat dalam sukan dengan pencapaian akademik di kalangan atlet sekolah menengah di Daerah Tambunan.

**1.5.6 Hipotesis alternatif ( $H_{a3}$ ) :** Terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar kawasan luar bandar dengan pelajar kawasan bandar yang terlibat dalam sukan dengan pencapaian akademik di kalangan atlet sekolah menengah di Daerah Tambunan.

## **1.6 Batasan Kajian**

Kajian ini terbatas kepada beberapa aspek seperti berikut:

### **1.6.1 Instrumen Kajian**

Kajian ini hanya menggunakan instrumen soal selidik. Majid Konting (1990), menyatakan soal selidik lebih praktikal dan berkesan untuk mengumpul data. Beliau juga berpendapat, dengan menggunakan soal selidik dapat meningkatkan ketepatan gerak balas responden terhadap rangsangan soalan yang diberi.

### 1.6.2 Tempat Kajian

Kajian ini hanya melibatkan sekolah-sekolah menengah di Daerah Tambunan sahaja. Sekolah-sekolah yang terlibat ialah SMK. Tambunan (SMKT) dan SMK St.Martin, Tambunan (St.Martin) mewakili sekolah kawasan bandar yang terletak kurang daripada 10 km dari Pekan Tambunan. Manakala SMK. Nambayan, Tambunan (SMKN) dan SMK. Desa Wawasan, Tambunan (SMKD) dikategorikan sebagai sekolah kawasan luar bandar yang berjarak lebih daripada 10 km dari Pekan Tambunan.

### 1.6.3 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini adalah sampel. Justeru itu, tidak ada sebarang teknik persampelan yang digunakan. Populasi kajian adalah seramai 180 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan yang sedang belajar dalam

Tingkatan Empat pelbagai aliran. Ciri utama sampel kajian ini ialah terlibat dalam sukan sejak dari Tingkatan Tiga sehinggalah sekarang dan sekurang-kurangnya mewakili di peringkat sekolah. Oleh itu, segala analisis data dan perbincangan adalah berdasarkan kepada dapatan kajian yang dibuat di sekolah-sekolah yang terlibat sahaja.



## 1.7 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, pelbagai terminologi digunakan. Definisi terminologi adalah seperti berikut:

### 1.7.1 Penglibatan Sukan

Penglibatan sukan adalah kejayaan taraf sukan tersebut semasa kejohanan atau pertandingan yang dijalankan di sekolah, daerah, bahagian, negeri, negara ataupun peringkat antarabangsa (Abdul Rahim, 2001). Penglibatan sukan dalam konteks kajian ini merujuk kepada penglibatan atlet sekolah menengah atas khususnya pelajar Tingkatan Empat yang terlibat dalam sukan dari Tingkatan Tiga lagi di Daerah Tambunan yang sekurang-kurangnya telah mewakili sekolah ke kejohanan peringkat daerah.



### 1.7.2 Pencapaian Akademik

Menurut Kerlinger (1973) dalam Akasyah (2002), pencapaian akademik adalah merupakan skor atau gred yang dicapai oleh pelajar-pelajar dalam suatu kajian atau peperiksaan yang standard. Oleh itu, dalam kajian ini, pencapaian akademik adalah merujuk kepada keputusan Penilaian Menengah Rendah tahun 2006 yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.





### 1.7.3 Jenis Sukan

Merupakan bidang sukan yang dibahagikan kepada dua kategori iaitu sukan individu dan sukan berpasukan.

### 1.7.4 Pelajar

Merujuk kepada pelajar-pelajar lelaki dan perempuan sekolah menengah atas yang belajar dalam Tingkatan Empat yang terlibat dalam sukan dari Tingkatan Tiga pada tahun lepas (2006) di Daerah Tambunan, Sabah.

## 1.8 Kesimpulan

Sukan merupakan suatu bidang penting yang mendapat perhatian yang istimewa dari pelbagai pihak. Justeru itu, untuk menyahut cabaran ini, semua ahli masyarakat adalah dialu-alukan untuk terlibat sama agar selari dengan konsep 'Sukan Untuk Semua' yang bertunjangkan slogan 'Malaysia Boleh'. Justeru itu, warga pendidikan khususnya pelajar sekolah perlu mengisi ruang dan peluang ini untuk terus melakar kejayaan dalam sukan dan pada masa yang sama kejayaan dan kecemerlangan akademik tetap menjadi keutamaan.

